

# MENGENAL CIRI BAHASA MELAYU TINGGI

**B**AHASA Melayu menggalas tanggungjawab sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, bahkan mendukung bahasa ilmu yang menjadi medium dalam pengajaran dan pembelajaran. Ledakan kemajuan dunia dalam pelbagai bidang ilmu telah mengubah gaya hidup masyarakat dunia dan tempiasnya turut dirasai oleh masyarakat Malaysia.

Bertitik tolak daripada itu, bahasa Melayu turut berubah seiring dengan kemasukan unsur baharu dalam pelbagai bentuk ilmu, yang tersebar secara formal atau melalui pengaplikasian dalam kehidupan harian. Kemajuan sesuatu bahasa berkait rapat dengan pemupukan ciri oleh penuturnya. Kemajuan sesuatu bahasa bergantung pada cara penuturnya “mengerjakan” dan “mengusahakan” bahasa tersebut.

Ternyata, bahasa Melayu berkembang sejajar dengan berkembangnya ilmu dalam pelbagai bidang. Penerbitan buku dalam bentuk bercetak dan digital turut dilakukan secara berterusan oleh semua pihak bagi memantapkan dan memajukan serta dapat memperkenalkan istilah dan perbendaharaan kata yang baharu. Perkembangan sesuatu bahasa terhasil melalui perancangan teratur yang dilakukan oleh ahli bahasa, perancang bahasa, malah turut dilakukan oleh pengguna bahasa. Perkembangan bahasa Melayu berkait rapat dengan perkembangan dan kemajuan negara. Oleh yang demikian, selayaknya bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Melayu tinggi.

Apakah takrifat sebenar bahasa Melayu tinggi? Adakah bahasa Melayu tinggi itu merupakan bahasa Melayu yang tinggi arasnya, digunakan oleh mereka yang berpendidikan tinggi dan orang yang menggunakannya dianggap sebagai orang bijak pandai? Adakah bahasa Melayu tinggi itu bahasa yang melibatkan urusan rasmi yang lebih bersifat formal? Adakah bahasa Melayu tinggi itu merupakan

bahasa rasmi, bahasa baku, bahasa moden atau bahasa yang digunakan dalam bidang sains dan teknologi?

Walau apa-apa pun yang kita fahami tentang bahasa Melayu tinggi, tentunya bahasa Melayu tinggi bukan bahasa rendah, bukan bahasa rojak dan bukan juga bahasa pasar. Nik Safiah Karim (1986) menyimpulkan bahawa bahasa Melayu tinggi ialah bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan konsep dan pemikiran yang teknikal dan maju, dan yang berfungsi sebagai sarana budaya tinggi, manakala bagi Abdullah Hassan (2012), bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang diajarkan di sekolah, yang digunakan oleh orang terpelajar dan perlu dituturkan seperti bahasa itu ditulis.

Bahasa Melayu tinggi mempunyai ciri sebagai bahasa ilmu, iaitu bahasa yang berkemampuan sebagai elemen untuk menyalurkan ilmu pengetahuan seperti ilmu sains, ilmu kejuruteraan dan ilmu perubatan. Di samping itu, bahasa Melayu tinggi juga seharusnya memiliki ciri bahasa akademik, yang lengkap dengan laras bahasa untuk menghuraikan pelbagai bidang ilmu dengan jelas. Oleh hal yang demikian, seharusnya bahasa Melayu tinggi perlu diajar dan digunakan di sekolah dan di pusat pengajian tinggi mengikut konteksnya.

Keintelektualan bahasa dan kesempurnaan bahasa merupakan dua ciri penting yang perlu ada bagi bahasa Melayu untuk mencapai taraf sebagai bahasa ilmu (Havranek, dalam Garvin 1984). Melalui keintelektualan bahasa dan kesempurnaan bahasa menjadi penentu utama sejauh mana penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu tinggi dapat dicapai. Perbendaharaan kata dan sistem tatabahasa merupakan ejen pencapaian keintelektualan bahasa yang menunjukkan bahasa itu berkeupayaan menyampaikan buah fikiran dan hujah dengan tepat dan berkesan.

Keintelektualan perbendaharaan kata dapat dicapai melalui pengembangan perbendaharaan kata, iaitu dengan menambahkan istilah baharu. Keintelektualan bahasa juga dapat dilakukan melalui penukaran bentuk dan corak perbendaharaan kata dengan memberikan pendefinisian khusus atau tertentu terhadap leksikal tertentu bagi bidang tertentu yang berlainan dengan penggunaan biasa. Leksikal yang baharu tersebut hendaklah bersifat tepat, spesifik dan abstrak. Walau bagaimanapun, penambahan penggunaan istilah baharu ini bersifat khusus dan mungkin sukar difahami oleh masyarakat penutur kebanyakannya. Yang berikut merupakan contoh petikan bahasa yang memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam beberapa bidang yang memperlihatkan sifat keintelektualan bahasa yang digunakan. Contoh yang pertama dipetik daripada sumber *Dewan Ekonomi*, Januari 2022 seperti yang berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL) menjelaskan bahawa peruntukan baharu S106A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang telah diluluskan dalam Rang Undang-undang Kewangan 2021 pada 15 Disember lalu yang telah memberikan kebenaran kepada HASiL untuk mendapatkan maklumat akaun bank pembayar hanya bagi kes yang melibatkan perintah garnisi yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah.

(Muhamad Hakimi Abd Rani, Akses ke Akaun Bank Pembayar Cukai Ada Batasnya, *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Disember 2021).

Melalui petikan tersebut, penggunaan laras khusus, iaitu laras ekonomi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL), Akta Cukai Pendapatan (ACP), Rang Undang-undang Kewangan 2021 dan perintah garnisi. Istilah yang digunakan tersebut hanya difahami oleh orang yang terlibat dalam aktiviti ekonomi. Masyarakat pengguna yang tidak mempunyai latar belakang ilmu ekonomi akan mempunyai masalah untuk memahami petikan tersebut.

Seksyen 8 pula menetapkan bahawa perlembagaan sesebuah universiti hendaklah mengandungi segala peruntukan yang terkandung di dalam Jadual kepada Ordinan 74. Jika terdapat perbezaan, Majlis hendaklah mengambil langkah yang perlu bagi mengadakan peruntukan tersebut atau membuang peruntukan yang berkenaan.

(Suharmi Ismail, Nurulhuda Adabiah Mustafa dan Faridah Jalil, Kajian Undang-undang Tadbir Urus Universiti bagi Pembangunan Masyarakat Malaysia, *Akademika*, 2019)

Melalui petikan tulisan Suharmi Ismail, Nurulhuda Adabiah Mustafa dan Faridah Jalil, dalam artikel bertajuk "Kajian Undang-Undang Tadbir Urus

Universiti bagi Pembangunan Masyarakat Malaysia" tersebut, terdapat penggunaan istilah khusus dalam bidang undang-undang, iaitu seksyen 8, perlembagaan dan Ordinan 74. Penggunaan istilah berkaitan dengan bidang undang-undang ini agak asing bagi masyarakat kebanyakan sedangkan istilah tersebut sangat dekat dengan mereka yang berada dalam bidang perundangan.

Disebabkan saiznya yang sangat kecil, nanopartikel mempunyai pelbagai kelebihan, iaitu mempunyai luas permukaan tinggi, kekuatan termal, mekanikal dan elektrik yang membolehkan pengaliran elektrik yang lebih baik berbanding dengan unsur tersebut pada saiz yang lebih besar, dan juga mempunyai unsur kimia pada permukaan yang membolehkannya digabungkan dengan unsur lain seperti molekul aktif ubatan, antibiotik, protein, dan dioksiribonuklik acid (DNA). Ciri yang unik ini membolehkan nanopartikel diaplikasikan ke dalam pelbagai bidang seperti dinyatakan di atas.

(Nor Fadhilah Kamaruzzaman dan Alexandru Chivu, "Aplikasi Nanoteknologi dalam Bidang Perubatan", *majalah Sains*, Mac 2020.)

Dalam petikan artikel bertajuk "Aplikasi Nanoteknologi dalam Bidang Perubatan" hasil tulisan Dr. Nor Fadhilah Kamaruzzaman dan Alexandru dalam majalah *Sains* terbitan Mac 2020, terdapat penggunaan istilah khusus dalam bidang perubatan, iaitu nanopartikel, kekuatan termal, DNA, molekul aktif ubatan, antibiotik, protein, mekanikal dan elektrik yang hanya difahami oleh mereka yang mempunyai latar belakang sains terutama bidang perubatan.

Pendekatan metabolomik juga telah digandingkan dengan kajian pengekspresan gen untuk tanaman jagung. Beberapa gen dikenal pasti terlibat dalam trait bernilai tinggi dalam jagung dan berpotensi sebagai penanda bio yang boleh diguna pakai dalam program pembiakan tanaman ini. Kajian metabolomik terhadap buah-buahan juga telah dijalankan antaranya ke atas epal, strawberi dan anggur.

(Sanimah Simoh, Alizah Zainal dan Zuraida Ab Rahman, "Teknologi Metabolomik dalam Pertanian", *Buletin Teknologi MARDI*, 2014)

Sifat keintelektualan bahasa dalam artikel tulisan Sanimah Simoh, Alizah Zainal dan Zuraida Ab Rahman dapat dilihat pada penggunaan istilah khusus dalam bidang sains pertanian, iaitu pendekatan metabolomik, pengekspresan gen, penanda bio dan program pembiakan tanaman.

Berdasarkan contoh petikan daripada beberapa bidang ilmu ini, jelas terdapat pelbagai jenis laras bahasa akademik yang menggunakan istilah khusus berdasarkan bidang ilmu tertentu yang

memperlihatkan sifat keintelektualan bahasa. Istilah khusus yang digunakan tersebut merupakan leksikal baharu yang bersifat tepat, spesifik dan abstrak. Istilah khusus yang digunakan telah diolah dan disusun dengan rapi, tertib dan teratur sekali gus mencerminkan tahap keintelektualan yang dimiliki oleh bahasa Melayu tinggi.

Bahasa berperanan sebagai alat komunikasi, menjadi saluran untuk menyampaikan buah fikiran, pendapat dan perasaan perlu digunakan dengan betul, tepat dan berkesan agar mesej yang ingin disampaikan benar-benar difahami. Oleh yang demikian, bahasa Melayu tinggi perlu memiliki ciri kesempurnaan yang menjadikan bahasa Melayu itu tepat, berkesan dan sesuai dengan fungsi serta situasi penggunaannya. Sesuatu bahasa yang sempurna itu perlu memiliki sifat kestabilan, kelenturan, keberkesanan, kepelbagaian dan keindahan.

Bahasa Melayu tinggi memiliki sifat kestabilan, iaitu tatabahasa yang mempunyai sistem atau peraturan yang perlu dipatuhi. Bahasa yang stabil merupakan bahasa yang mempunyai peraturan penggunaan perkataan dan istilah dengan jelas dan tepat agar pengguna bahasa dapat memahaminya dengan mudah. Peraturan penggunaan perkataan ini penting dipatuhi untuk memastikan kestabilan bahasa dapat dicapai. Contoh sifat kestabilan dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan sistem sebutannya, kita menyebut “kereta” bagi kenderaan yang memakai roda, ditarik oleh binatang atau digerakkan oleh enjin dan bukan “keleta” atau “kaleta”. Begitu juga dengan perkataan “peti besi” bagi peti yang diperbuat daripada besi tempat menyimpan barang-barang berharga dan bukan “besi peti” atau “lesi leti”.

Bahasa Melayu tinggi juga perlu memiliki sifat kelenturan, iaitu boleh disesuaikan dengan keadaan sekeliling dan pembaharuan yang berlaku di persekitaran masyarakatnya. Bahasa Melayu perlu boleh menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan sistem ejaan baharu yang melibatkan kata-kata yang dipinjam, contohnya perkataan “conductor” dan “cartoon” yang merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang disesuaikan dengan ejaan dan sebutan bahasa Melayu sebagai “konduktor” dan “kartun”.

Di samping itu, bahasa Melayu tinggi juga perlu memiliki sifat kepelbagaian, iaitu mempunyai pelbagai cara, pendekatan dan berbagai-bagai gaya bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Kepelbagaian dikaitkan dengan cara penyajian fakta atau fikiran, iaitu yang bersifat beraneka dan tidak terikat dengan sesuatu cara sahaja (Nik Safiah Karim, 2012). Kepelbagaian dapat dilihat dari segi gaya. Pengucapan dalam bentuk dan gaya yang berbeza akan menghasilkan kesan yang berlainan.

Sifat keberkesanan merupakan ciri yang perlu terdapat pada bahasa Melayu tinggi. Bahasa Melayu tinggi perlu mengandungi istilah, susunan frasa dan ayat yang besesuaian dan tepat untuk digunakan bagi menyampaikan maksud dan tujuan dengan tepat dan berkesan. Bahasa Melayu tinggi juga perlu memiliki sifat keindahan bahasa. Pemilihan perkataan dan bahasa yang indah dan menarik mampu menyampaikan pemikiran yang besar dan tinggi dengan lebih menarik dan berkesan serta mampu menyentuh hati pendengar atau pembaca.

Penggunaan bahasa yang indah juga berkeupayaan menampung pemikiran yang sarat dengan makna yang halus dan rumit. Bahasa yang indah biasanya banyak digunakan dalam laras sastera, tetapi terdapat juga penggunaannya dalam bidang ilmu yang lain. Yang berikut disertakan beberapa bentuk bahasa yang mempunyai sifat keindahan:

1. Bunga tak sekaki, kumbang tak seekor.
2. Belayar dengan nakhoda, berjalan dengan yang tahu, berkata dengan yang pandai.
3. Bunga dedap di atas para,  
Anak dusun pasang pelita;  
Kalau tersilap tutur bicara,  
Jemari disusun maaf dipinta.
4. Kayu balak di tepi kali,  
Dibuat rakit buluh bertindan;  
Bertolak-tolak jangan sekali,  
Kelak sakit seluruh badan.

Oleh sebab itu, secara tuntasnya, bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang lengkap dan sempurna dari aspek perbendaharaan kata, tatabahasa dan keindahan yang berkeupayaan menguasai segala bidang dan laras bahasa. Semua pihak yang mencintai bahasa Melayu seharusnya yakin dan positif untuk menggunakan bahasa Melayu tinggi dalam semua urusan. Penggunaan bahasa Melayu tinggi secara meluas dalam kalangan masyarakat pengguna akan mengangkat martabat dan nilai bahasa Melayu lagi sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi milik semua rakyat Malaysia. Perasaan kecintaan yang tinggi terhadap bahasa Melayu perlu disemai dan diasuh sejak kanak-kanak lagi. **PB**

Penggunaan bahasa Melayu yang baik perlu dipupuk sejak kanak-kanak lagi.

